

MENJEJASKAN PEMBANGUNAN NEGARA — MAHATHIR

Jangan halang matlamat ahli akademik

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, tindakan-tindakan yang menghalang atau menyelewengkan para pelajar dan ahli akademik dari mencapai matlamat penting mereka membuat penyelidikan dan mengajar boleh menjejaskan pembangunan negara ini.

Katanya, Malaysia di peringkat pembangunan sekarang ini tidak mampu mengalami sebarang gangguan terhadap rancangan pelajarannya.

Tambahnya, "Negara-negara maju mampu untuk mengadakan temasya dan pesta di universiti-universiti mereka, tetapi kita di sini terpaksa menekankan bahawa universiti-universiti memainkan peranan tradisi masing-masing iaitu menjalankan tugas-tugas mengajar dan menyelidik."

Dr. Mahathir berkata demikian ketika membuka Persidangan Agung Yang Kesepuluh Persatuan Yayasan-Yayasan Pelajaran Tinggi Asia Tenggara dan seminar mengenai penerbitan ilmiah di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di sini.

Katanya peruntukan kerajaan sebanyak 24 peratus daripada belanjawannya kepada pelajaran mencerminkan kepercayaan kerajaan terhadap pelajaran sebagai satu cara bagi mencapai cita-cita pembangunan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah cuba mengatasi masalah kekurangan buku-buku teks dengan mengusahakan penulisan dan penterjemahan buku-buku serta menjalankan penerbitannya sendiri.

UM 17 JAN 1978
PETALING JAYA 16 JAN.

Baru-baru ini pula, kerajaan telah membuat keputusan meminjamkan buku-buku teks dengan percuma kepada kira-kira 2½ juta murid sekolah yang kebanyakannya miskin.

Rancangan ini akan menelan belanja permulaan sebanyak \$62 juta.

Beliau berkata, kementeriannya juga menyokong usaha-usaha pihak universiti-universiti menjalankan penerbitan buku-buku ilmiah.

Mulai tahun ini, Universiti Malaya telah menerima peruntukan sebanyak \$35,000 bagi memajukan penerbitan journal akademiknya dalam fakulti sains dan undang-undang.

Tambahnya, jika lain-lain fakulti mempunyai cadangan-cadangan yang konkrit bagi menerbitkan journal dalam bidang-bidang tertentu, bantuan kewangan yang diperlukan mungkin dapat diberikan, kerana Universiti Malaya telah mendapat \$100,000 untuk tabung pusingannya.

Cabaran

Dr. Mahathir berkata, rancangan itu merupakan satu cabaran kepada kakitangan akademik untuk menerbitkan kertas-kertas ilmiah bertaraf antarabangsa bagi journal fakulti masing-masing.

Suntingan terhadap journal-journal tersebut tidak sedikit pun akan diganggu. Bagi Universiti Malaya, segala urusan menerbitkan journal akan diusahakan dan dikendalikan oleh

pihak pentadbiran universiti itu sendiri menerusi percetakan Universiti Malaya.

Dr. Mahathir juga berkata, Malaysia juga terkemuka dalam usaha mengukuhkan perpaduan serantau.

Beliau berharap persidangan itu akan mengukuhkan lagi hubungan serantau dengan merapatkan para penerbit dan pengarang di rantau ini serta menyediakan keperluan-keperluan asas bagi melicinkan lagi usaha penerbitan akademik di rantau ini.

Wakil-wakil dari tujuh buah negara anggota persatuan, ahli-ahli cerdik pandai dan pengarang-pengarang dari Canada dan Australia juga menghadiri seminar tiga hari itu.